

PEKELILING BENDAHARI BIL. 5 /2017

Semua Pengurus Bahagian

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Y.Bhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan,

**BAYARAN IMBUHAN PENERBITAN YANG BERINDEKS DENGAN PERLUASAN
KATEGORI DAN LIPUTAN PENGINDEKSAN DI UTHM**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan bayaran imbuhan penerbitan yang berindeks dengan perluasan kategori dan liputan pengindeksan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 1/2016 yang bersidang pada 26 Januari 2016 telah bersetuju dan memperakukan cadangan imbuhan penerbitan artikel jurnal yang diindeks oleh Scopus sebanyak RM200.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Sahaja) dan artikel prosiding yang diindeks Scopus sebanyak RM100.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Sahaja) kepada pengarang utama atau pengarang kedua sahaja.
- 1.2 Penglibatan staf dalam aktiviti penerbitan yang diindeks oleh pangkalan data terkenal seperti Scopus boleh diambilkira dalam membantu mempercepatkan proses pemasyhuran Universiti di peringkat antarabangsa.

- 1.3 Sehingga kini, dalam QS *Rating* UTHM komponen 'penyelidikan' mendapat satu (1) bintang sahaja. QS *Rating* komponen 'penyelidikan' termasuk jumlah sitasi dan jumlah penerbitan yang diindeks oleh Sopus. Oleh itu, strategi untuk menaikkan bintang bagi komponen 'penyelidikan', hendaklah dilakukan secara drastik. Dengan kewujudan imbuhan ini dilihat dapat membantu meningkatkan pencapaian UTHM dalam QS *Star Rating*.
- 2.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 1/2017 yang bersidang pada 14 Februari 2017 telah bersetuju dengan cadangan pemurnian bayaran imbuhan penerbitan yang berindeks dengan perluasan kategori dan liputan pengindeksan UTHM.

3.0 KADAR BAYARAN IMBUHAN PENERBITAN YANG BERINDEKS DENGAN PERLUASAN KATEGORI DAN LIPUTAN PENGINDEKSAN

- 3.1 Liputan pengindeksan bagi penerbitan yang layak memohon imbuhan akan diperluaskan daripada penerbitan artikel jurnal atau prosiding berindeks Scopus kepada artikel jurnal atau prosiding berindeks *Web of Science* dan *ERA*.
- 3.2 Kategori penerbitan juga diperluaskan kepada artikel jurnal berindeks selain daripada *Scopus / Web of Science / ERA*.
- 3.3 Bertepatan dengan kehendak Universiti untuk meningkatkan jumlah penerbitan yang diindeks, adalah bayaran imbuhan penerbitan ini dimurnikan dengan mengambilkira salah satu penglibatan penulis seperti di bawah :
 - i. Penulis Utama (*Corresponding Author*)
 - ii. Penulis Pertama UTHM sekiranya artikel adalah kolaborasi bersama Universiti luar atau industri.

- 3.4 Pemohon juga hendaklah memasukkan data penerbitan artikel jurnal atau prosiding yang dimohon ke dalam Sistem Maklumat Penerbitan Universiti (SMPU) bagi tujuan pengesahan penerbitan.
- 3.5 Pemohon hendaklah terdiri daripada staf Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan afiliasi penulis di dalam penerbitan artikel jurnal atau prosiding adalah daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- 3.6 Permohonan imbuhan penerbitan adalah dalam tempoh tiga (3) bulan selepas diterbitkan dalam jurnal atau prosiding. Permohonan imbuhan bagi jurnal atau prosiding berindeks Scopus/WOS/ERA mestilah disertakan bukti pengindeksan yang berkenaan.
- 3.7 Permohonan imbuhan sitasi adalah dibuka sepanjang tahun semasa sehingga tarikh 31 Januari tahun berikutnya.
- 3.8 Proses kerja permohonan adalah seperti di **Lampiran 1**.
- 3.9 Bilangan permohonan imbuhan tidak mempunyai had. Walau bagaimanapun, kelulusan pembayaran imbuhan adalah tertakluk kepada peruntukan kewangan universiti.
- 3.10 Permohonan yang layak adalah berdasarkan kepada satu judul dalam setiap kategori iaitu artikel jurnal atau prosiding. Pengulangan permohonan daripada judul yang sama adalah tidak dibenarkan.
- 3.11 Kadar bayaran imbuhan penerbitan bagi setiap kategori penerbitan berbanding garis panduan yang sedang berkuatkuasa adalah seperti **Jadual 1** di bawah:

Jadual 1:

BIL	PERKARA	GARIS PANDUAN BAYARAN IMBUHAN PENERBITAN BERINDEKS
1.	Jurnal	a. Jurnal berindeks Scopus / WOS / ERA: i. Penulis Utama -<i>Corresponding Author</i> atau Penulis Pertama UTHM jika penerbitan kolaborasi dengan Universiti luar atau industry. ii. Setiap sitasi bagi jurnal berindeks Scopus sahaja (tidak termasuk sitasi sendiri / self citation) b. Jurnal berindeks selain daripada Scopus / WOS / ERA i. Penulis Utama -<i>Corresponding Author</i> atau Penulis Pertama UTHM jika penerbitan kolaborasi dengan Universiti luar atau industry.
2.	Prosiding	a. Prosiding berindeks Scopus / WOS / ERA: i. Penulis Utama -<i>Corresponding Author</i> atau Penulis Pertama UTHM jika penerbitan kolaborasi dengan Universiti luar atau industri; ii. Setiap sitasi bagi prosiding berindeks Scopus sahaja (tidak termasuk sitasi sendiri / self citation)
3.	Kadar Imbuhan	a. Jurnal berindeks Scopus / WOS / ERA - RM200.00. b. Jurnal berindeks selain daripada Scopus / WOS / ERA – RM50.00. c. Prosiding berindeks Scopus / WOS / ERA – RM50.00. d. Sitasi – RM50.00.
4.	Sumber Kewangan	Dana Penyelidikan yang disalurkan ke Tabung PPI (E15501)


5.0 KUAT KUASA PEKELILING

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa bagi penerbitan mulai tahun 2017.

Sekian, terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”

Yang benar,



AZIZAH BINTI NASRI

Bendahari

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

- s.k
- Y.Bhg. Naib Canselor
 - Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Ketua Unit Audit Dalam

CARTA ALIR PROSES KERJA
BAYARAN IMBUHAN PENERBITAN YANG BERINDEKS

